

Headline	Shamelin Bina catat jualan RM2 juta sebulan		
Date	17 Aug 2009	Language	Malay
MediaTitle	Sinar Harian	Page No	L-19
Section	Bisnes	Article Size	147 cm²
Journalist	none		
Frequency	Daily	Color	Full Color
ADValue	809	PRValue	2,426



● Syaikat Shamelin bina mengadakan anniversari dan malam gala 2009 untuk ahli-ahlinya di Institut Intergrasi Nasional semalam dan dirasmikan oleh Pengerusinya, Datuk Rahim.

Shamelin Bina catat jualan RM2 juta sebulan

SHAMELIN Bina Sdn Bhd (Shamelin) sebuah syarikat jualan langsung tempatan 100 peratus Bumiputera berjaya menjana jualan RM2 juta sebulan daripada produk utamanya, minuman jus manggis Mangostyn.

Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad, Datuk Rahim Abu Bakar berkata, walaupun baru berusia setahun, Shamelin Bina telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan di mana keahliannya telah mencecah 5,000 orang dengan 150 stokis di seluruh negara.

"Saya yakin daripada apa yang saya dengar dan lihat, Shamelin Bina melalui jaringan ahlinya mampu pergi lebih jauh dan mencapai kejayaan lebih tinggi dengan ramai ahli yang bergelar 'Jutawan Shamelin Bina,' katanya di majlis perasmian Shamelin Anniversary & Launch Gala 2009 di Institut Integriti Malaysia kelmarin.

Pada majlis itu, bekas jaguh bina badan enam kali Asia, Abdul Malek Noor secara rasminya telah dilantik sebagai duta produk.

Bercakap kepada media, Abdul Malek berkata, minuman jus Mangostyn yang diperkenalkan lebih kepada untuk kesihatan dan perubatan.

"Jus ini unik kerana ia mengandungi antioksidan yang tinggi, menggunakan khasiat semula jadi permaisuri buah kandungan antioksidan yang telah dikaji oleh penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar," katanya.

Shamelin Bina Sdn Bhd adalah anak syarikat Koperasi Shamelin Berhad.